

20 MARCH 1998

ANAK SYARIKAT MDC METERAI USAHA SAHAM AS\$50 JUTA DENGAN FIRMA LAMPU TERKEMUKA AS

Oleh: Yong Soo Heong

HANNOVER, 20 Mac (Bernama) -- MEITECH Development Sdn Bhd, anak syarikat pelaburan milik penuh Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC), hari ini memeterai perjanjian usaha sama 50-50 bernilai AS\$50 juta dengan Remote Source Lighting International Inc (RSLI), sebuah syarikat perintis teknologi optik dan lampu optik gentian dari Amerika Syarikat.

Usaha sama itu mengadakan penyelesaian lampu dan pameran bagi Asia Tenggara, bermula dengan Koridor Raya Multimedia di Malaysia.

MEITECH dan juga RSLI akan memiliki saham samarata di dalam MDC-RSLI Technologies Sdn Bhd, yang akan memperolehi modal daripada pelabur-pelabur Malaysia yang terpilih untuk menubuhkan sebuah usaha sama operasi, Remote Source Lighting International Malaysia Sdn Bhd (RSLI Malaysia).

MDC-RSLI Technologies akan memiliki 55 peratus daripada RSLI Malaysia manakala bakinya akan dimiliki oleh pelabur-pelabur Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyaksikan upacara menandatangani itu di sini di pameran teknologi maklumat dan industri telekomunikasi CeBit 98.

Pengerusi eksekutif MDC Datuk Dr Othman Yeop Abdullah, yang juga pengerusi MEITECH, dan pengarah perkhidmatan pelanggan MDC, Dr Ghazie Ismail, yang juga presiden MEITECH, menandatangani bagi pihak MEITECH manakala RSLI diwakili oleh pengerusi dan ketua pegawai eksekutifnya, Dr Isaac Horton III, dan presiden bahagian Asianya, Nelson Chu, pada upacara itu.

RSLI adalah syarikat teknologi optik milik swasta diasaskan pada 1995.

Keluaran-keluarannya digunakan sebagai alternatif yang jimat kepada lampu tradisional untuk kegunaan senibina, perindustrian, komersil, hiburan dan papan tanda.

Di bawah syarat-syarat usaha sama itu, kira-kira setengah daripada modal berbayar RSLI Malaysia dijangka AS\$50 juta akan digunakan sepanjang tiga tahun akan datang untuk membiayai R&D di dalam MSC untuk memajukan lagi teknologi lampu dan pameran optik gentian RSLI.

Sebarang keluaran lampu dan pameran berteknologi tinggi sepenuhnya yang berasaskan kepada R&D ini akan dimiliki oleh RSLI Malaysia, yang akan dilesen untuk mengeluarkannya dan juga sebagai keluaran-keluaran RSLI sedia ada di Malaysia, Indonesia dan Thailand.

RSLI Malaysia juga akan dilesen khas untuk memasarkan dan mengedarkan keluaran-keluaran itu di Malaysia, Thailand, Indonesia, Brunei, Filipina, Vietnam, Kemboja, Laos dan Myanmar. Tetapi RSLI akan memegang hak pengedaran ke seluruh dunia.

Perjanjian itu juga membolehkan RSLI dan RSLI Malaysia akan bersama-sama mengejar peluang-peluang pengeluaran di dalam bidang-bidang pemasaran dan pengedaran.

Di bawah perjanjian itu, RSLI Malaysia juga akan mereka bentuk, memasang dan menyenggara sistem-sistem lampu konvensional dan juga optik gentian baru bagi "bandaraya siber" MSC di seluruh negara.

Perjanjian itu juga memerlukan MEITECH membuat pelaburan ekuiti langsung berjuta-juta dolar di dalam RSLI tetapi tiada jumlah yang tertentu telah diumumkan. Ia juga memerlukan MEITECH membeli AS\$4.0 juta keluaran-keluaran RSLI tahun ini.

Dr Othman berkata MSC dan rantau Asia Tenggara akan pasti mendapat faedah daripada inovasi RSLI merintis usaha-usaha R&D di dalam teknologi lampu optik gentian itu.

Dr Horton berkata syarikatnya penuh harapan untuk mengkhidmati keperluan lampu pintar di dalam "banyak syarikat teknologi berkelas dunia yang menyertai kami di dalam MSC." -- BERNAMA

SHY MFJ OS